



Bandar Taman Hujan Dingin Taiping, Larut & Matang

Disediakan Oleh : Syazrina Shukor

TOURISM
MALAYSIA



MALIS PERBANDARAN TAIPING

Ketibaan penulis ke Taiping Golf Resort disambut dengan deraihan hujan yang agak lebat. Memang itu keistimewaan Taiping, bandar yang menerima limpahan hujan paling banyak di Malaysia. Terasa sejuk hingga mencengkam ke dalam tulang. Namun begitu kedinginan itu terhapus dengan sambutan hangat lagi mesra dari orang-orang di Taiping.

Safari Malam Taiping

Malam pertama di sini, penulis bersama rombongan media yang lain terus dibawa melawat Safari Malam Taiping. Kebiasaannya zoo dibuka pada siang hari dan ia memang satu pengalaman yang berlainan apabila melihat pelbagai haiwan pada malam hari. Tepat dengan temanya iaitu Jendela Hidupan Malam, lawatan ke safari malam membuka pandangan kita kepada senario yang jarang dapat dilihat, melihat kehidupan dan aktiviti haiwan-haiwan yang aktif pada waktu malam.

Safari Malam Taiping adalah zoo malam yang pertama di Malaysia dan ia dibuka dengan tujuan memberi peluang kepada pengunjung menghayati habitat asal hidupan liar dalam suasana alam semulajadi yang asli. Bagi menghayati sepenuhnya pengalaman ini, pengunjung dikehendaki merendahkan tahap bunyi dan suara untuk menjaga ketenteraman binatang-binatang. Selain itu, penggunaan lampu suluh dan kamera yang bercahaya tinggi dilarang kerana akan mengganggu haiwan. Namun begitu, kamera video masih dibenarkan dibawa masuk. Antara koleksi haiwan yang dipamerkan di safari ini ialah harimau bintang, burung hantu dan memerang.



Hutan Lipur Kuala Sepetang



Industri 'kayu cerucuk' berasal dari sini



Bot penambang penghubung destinasi



Saksikan keajaiban dunia dengan keindahan cahaya kelipan kelip-kelip di sepanjang sungai ini di malam hari.

Hari berikutnya lawatan kami menuju ke Hutan Lipur Kuala Sepetang yang terkenal dengan perkampungan nelayan dan hutan simpan paya bakau. Ia dikenali kerana pengurusan hutan bakau yang terbaik di dunia dalam usaha memelihara kestabilan kawasan pesisiran pantai daripada hakisan ombak laut. Hutan lipur ini juga menyumbang kepada punca pendapatan masyarakat setempat dengan industri kayu arang dan bekalan kayu jerajas untuk cerucuk.

Sepanjang perjalanan menaiki bot, kami melihat rumah-rumah nelayan di sini. Pemandangan sedikit berlainan kerana rata-rata nelayan di pinggir sungai Kuala Sepetang ialah nelayan kaum Cina. Ada sebuah perahu penambang yang mengambil penumpang menyeberangi sungai untuk pergi ke satu-satu bahagian sungai. Selain industri arang kayu dan perikanan, nelayan-nelayan di sini menangkap kerang dan udang untuk dijadikan punca pendapatan sampingan.

Bagi para pengunjung yang ingin bermalam di sini, terdapat chalet dan homestay dengan harga berpatutan yang boleh disewa. Keindahan kelip-kelip pada malam hari telah menjadi satu produk pelancongan yang berjaya menarik ramai pelawat dari dalam dan luar negara datang ke sini. Hanya terletak 10 kilometer dari bandar Taiping, anda boleh berhubung terus dengan Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang lawatan ke Kuala Sepetang.

Pada waktu malamnya pula, kami berkesempatan menyaksikan ribuan kelip-kelip menebarkan cahaya di celahan pokok-pokok sepanjang muara sungai Kuala Sepetang. Bagi penulis, ia satu pemandangan yang menakjubkan seperti menyambut hari raya di mana rumah dihiasi dengan lampu yang berkelipan. Bezanya, cahaya dari ribuan kelip-kelip ini berwarna oren dan sungguh terang. Adakalanya kelip-kelip itu terbang dari pokok ke arah bot yang berada begitu hampir dan kami dapat menangkapnya untuk melihat sumber cahaya tersebut.

Untuk keterangan lebih lanjut berhubung dengan Hutan Lipur Kuala Sepetang, silalah hubungi :

Pegawai Hutan Daerah,
Pejabat Hutan Daerah Larut & Matang,
34000 Taiping, Perak
Tel : 05 8072 762
<http://www.forestry.gov.my>



Ladang Bukit Gantang, Syurga Buah-Buahan

Satu lagi produk utama pelancongan di Taiping yang sukar ditinggalkan oleh pelawat-pelawat ialah godaan buah-buahan dan hasil tanaman di Ladang Bukit Gantang. Bukit Gantang telah dibuka oleh Long Jaafar, seorang usahawan Melayu yang berjaya pada abad ke-19. Semenjak pembukaannya, Bukit Gantang terus subur mengeluarkan hasil tanaman yang tidak putus-putus sebagai punca rezeki kepada penduduknya.

Anda akan terpegun melihat keaslian alam semula jadinya yang masih kekal terpelihara walaupun sudah beratus-ratus tahun ia dibuka. Pada waktu pagi, udaranya berkabus sejuk ditemani kicau burung dan unggas. Luas keseluruhan ladang ini ialah 8 hektar yang dikelilingi bukit-bukau dan hutan hujan menghijau.





Taiping, Bandar yang Aman Selama-lamanya

Walaupun jadual lawatan media agak padat, penulis dan beberapa orang rakan wartawan lain mencuri sedikit masa pusing-pusing bandar Taiping. Asalnya sebuah pekan kecil yang dibuka kerana aktiviti perlombongan, bandar ini mempunyai senarai panjang 'Yang Pertama' bagi sejarah Tanah Melayu.

Antaranya ialah stesen keretapi, pejabat pos, hospital, muzium, balai polis dan sekolah Ingeris pertama yang dibuka di Malaya pada masa itu. Namanya unik kerana diambil dari perkataan Cina 'tai peng' yang bermaksud aman selama-lamanya.

Penulis sukakan kawasan sekitar Taman Tasik Taiping yang redup dan rendah dengan banyak pohon di sekelilingnya. Ketika kami melalui jalan di taman tasik, ramai anak-anak muda berkumpul dan mendengar lagu dari kenderaan masing-masing. Tidak kurang juga yang singgah makan di gerai-gerai berhampiran.

Apabila menyebut Taiping dengan senarai panjang 'Yang Pertama'nya itu, sudah pasti kita akan mengaitkannya dengan pelbagai tinggalan dan bangunan bersejarah. Rentak kehidupan di sini memang perlahan, kerana itu ramai pesara menjadikan Taiping sebagai pilihan kediaman selepas tamat tempoh bertugas. Ada banyak tempat dan monumen bersejarah yang boleh dilawati tetapi penulis akan memberikan cadangan kegemaran penulis seperti:



1. Muzium Negeri Perak iaitu muzium pertama di negara. Ia dibina pada 1883 sebagai pejabat kerajaan.
2. Masjid Keling di Jalan Kota didirikan oleh komuniti Muslim Tamil yang berniaga kain dan bijirin di Taiping.
3. Perpustakaan Awam Taiping adalah bangunan asal bagi Bank Standard Chartered yang operasi cawangannya pada 1888.
4. Stesen Keretapi Taiping dan Bangunan Rumah Rehat di Jalan Stesen.



Perubatan Alternatif di Kolum Air Panas

Kolum Air Panas Trong yang berkeluasan 1 ekar adalah kolum air panas perubatan pertama di Taiping. Ia memulakan khidmatnya pada tahun 2002 dan telah banyak merawat masalah kesihatan tubuh badan dan kulit. Produk-produk yang disediakan di kolum air panas ialah mandian herba, rendaman kaki dan mandian biasa. Ketinggian paras airnya melebihi tanah dan suhunya tetap kekal panas walaupun dalam cuaca sejuk. Kemudahan-kemudahan lain seperti bilik mandi, kolum mandi kanak-kanak dan surau turut disediakan bagi keselesaan pengunjung.



Dingin Air Terjun Bukit Jana

Pagi hari terakhir sebelum meninggalkan Taiping, kami singgah di Air Terjun Bukit Jana untuk menghilangkan keletihan memanjat bukit kecil di belakang tempat penginapan kami. Air Terjun Bukit Jana letaknya berhampiran dengan Taiping Golf Resort dan masih belum tercemar kebersihannya. Penulis terasa melewati kembali zaman kanak-kanak di kampung dan seakan tidak mahu keluar dari rendaman air bukit yang dingin menyegarkan itu. Penulis pulang ke ibu kota dengan pengalaman manis dan keinginan untuk kembali lagi.

